KALENDAR PERISTIWA
Oktober – Disember 2014

28 Oktober

Pada Forum Ekonomi Islam Sedunia Ke-10, Gabenor dalam ucapannya menekankan bahawa pasaran sukuk berpotensi menjadi sumber pendanaan untuk projek infrastruktur jangka panjang. Sejak sedekad yang lalu, sukuk infrastruktur berjumlah USD95 bilion telah diterbitkan oleh lebih 10 negara. Bagi Malaysia, pasaran modal Islam telah dibangunkan secara sistematik untuk memastikan terdapat akses yang lebih luas buat pelabur dan perlindungan yang lebih baik bagi pelaburan mereka. Inisiatif penting ini disokong dengan mantap oleh rangka kerja perundangan dan Syariah yang turut disokong oleh infrastruktur kewangan yang teguh, lantas membolehkan Malaysia menyediakan platform terbitan dan urus niaga sukuk yang serba lengkap.

29 Oktober

Bank mengeluarkan tiga jenis duit syiling peringatan bersempena dengan Ulang Tahun Taman Negara Ke-75. Taman Negara merupakan sebuah taman negara yang terkemuka di Malaysia dan juga destinasi ekopelancongan yang terkenal. Jenis duit syiling yang dikeluarkan ialah Pruf Emas, Pruf Perak Berwarna dan Emas Nordic.

5 November

Dalam ucapan Gabenor pada Sidang Kemuncak Pendidikan Kewangan Citi-FT 2014, beliau menyatakan bahawa cabaran kepada pendidikan kewangan dijangka lebih hebat ekoran trend pembandaran yang meningkat dan perubahan demografi yang lain. Oleh itu, pendekatan semasa berkaitan dengan penyampaian pendidikan kewangan perlu dikaji semula agar lebih menyeluruh dan inklusif untuk memastikan kesan yang optimum. Semua pihak yang berkepentingan dalam ekosistem kewangan mempunyai tanggungjawab bersama untuk membangunkan saluran penyampaian yang berkesan bagi pendidikan kewangan, membina infrastruktur yang diperlukan dan terus merumuskan program keupayaan kewangan yang relevan bagi membolehkan pengguna membuat keputusan kewangan yang wajar serta menangani cabaran baharu ekonomi dan kewangan.

6 November

Pada mesyuarat terakhir untuk tahun 2014, Jawatankuasa Dasar Monetari (MPC) Bank memutuskan untuk mengekalkan Kadar Dasar Semalaman pada 3.25%. Dalam penilaiannya, MPC menyatakan bahawa ekonomi global terus berkembang pada kadar yang sederhana. Unjuran pertumbuhan global telah diturunkan disebabkan oleh aktiviti ekonomi yang semakin lemah dalam beberapa ekonomi utama dan ketidaktentuan dalam pasaran kewangan antarabangsa yang meningkat. Meskipun ekonomi dalam negeri diunjurkan kekal pada landasan pertumbuhan yang stabil, perkembangan luar negeri boleh memberikan kesan terhadap prospek pertumbuhan ekonomi Malaysia secara keseluruhan. Pada masa hadapan, MPC akan terus membuat penilaian yang teliti mengenai imbangan risiko terhadap prospek pertumbuhan dalam negeri dan inflasi. MPC juga meluluskan jadual mesyuaratnya untuk tahun 2015.

7 November

Bank mengumumkan pelantikan dua Penolong Gabenor baharu, iaitu Encik Shaik Abdul Rasheed bin Abdul Ghaffour dan Encik Ahmad Hizzad bin Baharuddin. Encik Shaik Abdul Rasheed akan bertanggungjawab terhadap Jabatan Pengurusan Strategik, Pusat Pembangunan Modal Insan dan Jabatan Perkhidmatan IT, manakala Encik Ahmad Hizzad akan terus menerajui Lembaga Perkhidmatan Kewangan Labuan sebagai Ketua Pengarah.

10 November

Bank menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) dengan People's Bank of China mengenai pengaturan penjelasan RMB di Malaysia. Kedua-dua bank pusat tersebut bersetuju untuk menyelaras dan bekerjasama dalam penyeliaan dan pengawasan urus niaga RMB, pertukaran maklumat, dan membantu menambah baik serta membangunkan pengaturan itu secara berterusan. MoU ini menandakan satu lagi langkah penting dalam usaha bersama yang berterusan untuk membina keupayaan sistem kewangan Malaysia bagi memberikan perkhidmatan yang lebih baik sejajar dengan perdagangan, pelaburan dan aliran kewangan dua hala yang semakin meningkat antara Republik Rakyat China dengan Malaysia.

14 November

Bank mengumumkan ekonomi Malaysia mencatat pertumbuhan sebanyak 5.6% pada suku ketiga 2014 (S2 2014: 6.5%), disokong oleh permintaan sektor swasta dan pertumbuhan positif eksport bersih yang berterusan. Dari segi penawaran, pertumbuhan sektor ekonomi utama adalah mampan, disokong oleh aktiviti perdagangan dan aktiviti dalam negeri. Berdasarkan asas suku tahunan terlaras secara bermusim, ekonomi berkembang 0.9% (S2 2014: 1.9%). Kadar inflasi purata bagi suku tersebut menurun kepada 3.0% (S2 2014: 3.3%) disebabkan terutamanya oleh inflasi yang lebih rendah dalam kategori pengangkutan, mencerminkan luputnya kesan pelarasan harga bahan api yang dilaksanakan sebelum itu.

18 November

Dalam ucaptama Gabenor pada Persidangan Statistik Serantau Institut Statistik Antarabangsa yang julung-julung kali diadakan, beliau berkata bahawa sumbangan statistik adalah semakin penting pada masa perubahan besar yang sedang berlaku dalam transformasi serantau dan di seluruh dunia. Oleh itu, kerjasama dan penyelarasan antarabangsa yang lebih meluas dalam bidang statistik diperlukan untuk meningkatkan liputan data merentas negara, menggalakkan penyeragaman data dan yang lebih penting, mewujudkan pemahaman yang dikongsi bersama mengenai risiko merentas sempadan dan penularan kejutan. Dasar kerahsiaan, pengawasan dan pengurusan data yang sedia ada perlu dikaji semula dan dikemas kini untuk menangani risiko baharu dari segi penipuan, kecurian dan pencerobohan privasi berikutan peningkatan ketersediaan data dan maklumat.

27 November

Bank dan Persatuan Kad Kebangsaan (National Cards Group) menganjurkan Forum dan Pameran Sistem Pembayaran 2014 di Sasana Kijang, Kuala Lumpur bertemakan 'Peralihan kepada E-Pembayaran: Penerimaan Kad Pembayaran'. Forum ini bertujuan memberikan kesedaran dan menggalakkan penerimaan kad pembayaran dalam kalangan entiti perniagaan, terutamanya perusahaan kecil dan sederhana dan perusahaan mikro.

1 Disember

Pada Majlis Makan Tengah Hari Jalinan Hubungan Korporat Anjuran Kelab Perniagaan ASEAN (ASEAN Business Club), Gabenor dalam ucapannya berkata bahawa Rangka Kerja Integrasi Perbankan ASEAN (ASEAN Banking Integration Framework), yang membolehkan penyertaan lebih meluas institusi kewangan ASEAN untuk beroperasi di rantau ini, kini dalam peringkat akhir perumusan. Beliau berkata sektor perniagaan berpeluang mendapat manfaat melalui akses yang lebih baik kepada sumber pembiayaan yang lebih banyak dan lebih selamat untuk membiayai aktiviti perdagangan dan pelaburan merentas sempadan. Beliau juga berkata bahawa kemajuan telah dicapai dalam usaha membangunkan pasaran modal di rantau ini dan ke arah integrasi kewangan yang lebih kukuh bagi pasaran.

23 Disember

Bank mengeluarkan Rangka Kerja Pembaharuan Kad Pembayaran (Rangka Kerja) sebagai satu standard di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013, dengan objektif untuk memupuk industri kad pembayaran yang cekap, telus dan berdaya saing di Malaysia. Rangka Kerja tersebut bertujuan untuk memastikan kos penerimaan kad pembayaran adalah adil dan berpatutan, melalui pewujudan mekanisme pembayaran balik fi yang objektif dan telus antara peserta rangkaian kad pembayaran. Di bawah Rangka Kerja ini, fi pertukaran yang dibayar oleh bank-bank pemeroleh kepada bank-bank pengeluar kad pembayaran akan tertakluk kepada had fi pertukaran yang ditetapkan. Rangka Kerja tersebut juga memperkenalkan beberapa langkah yang dirangka untuk menangani herotan lain dalam pasaran kad pembayaran bagi menggalakkan penggunaan dan penerimaan kad pembayaran yang berkesan dari segi kos secara lebih meluas.

31 Disember

Bank Negara Malaysia, Bank Indonesia dan Otoritas Jasa Keuangan menandatangani Perjanjian (Heads of Agreement, HoA) yang merupakan pendahulu bagi penyempurnaan Rangka Kerja Integrasi Perbankan ASEAN (ASEAN Banking Integration Framework, ABIF). Perjanjian ini menggariskan beberapa bidang yang akan dilaksanakan secara dua hala antara Malaysia dengan Indonesia di bawah ABIF. Perjanjian ini juga memberikan takrifan bagi Bank ASEAN yang Bertauliah (Qualified ASEAN Banks, QAB), yang melibatkan kehadiran bank-bank Malaysia dan Indonesia di kedua-dua negara. Di samping itu, Perjanjian ini juga mengenal pasti akses pasaran dan fleksibiliti operasi yang akan diberikan kepada institusi perbankan sebaik sahaja ditakrifkan dan dibentuk sebagai QAB dalam negara masing-masing. Penyempurnaan Perjanjian ini bertujuan merintis jalan bagi memuktamadkan Garis Panduan ABIF dan seterusnya mengesahkan ABIF di bawah Perjanjian Rangka Kerja ASEAN Mengenai Perkhidmatan.